



DR. MAHATHIR Mohamad menerima cenderamata daripada Tony Buzan selepas penganugerahan pingat Anugerah Pemikir 2003/2004 di Hotel Berjaya, Kuala Lumpur, malam tadi.

Dr. M dinobatkan pembina minda rakyat Malaysia

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dianggap sebagai jentara yang sangat berjaya membangun dan memperkasakan pembinaan minda rakyat negara ini.

Presiden dan Pengasas

Lembaga Amanah Minda, Tony Buzan berkata, Dr. Mahathir telah berjaya memainkan peranan yang sangat besar dalam meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani dalam semua aspek.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu juga berjaya menjadikan Malaysia sebagai model kepada negara-negara membangun lain di dunia dalam pembangunan, kestabilan dan pembangunan sektor pendidikan.

"Paling penting kita lihat Dr. Mahathir adalah orang yang sangat berjasa kepada Pembangunan minda di ne-

gara ini menerusi pelbagai program pendidikan dan sokongan kukuh kerajaan.

"Idea-idea yang disumbangkan oleh beliau telah menjadikan Malaysia meraih pencapaian yang baik dalam semua segi," katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian Anugerah Pemikir 2003/2004 kepada Dr. Mahathir di sini malam ini.

Buzan berkata, pemilihan Dr. Mahathir tersebut adalah berdasarkan sumbangan dan kesungguhan beliau meningkatkan pembinaan minda dan kemajuan pendidikan berasaskan sains dan teknologi.

Katanya, beliau turut memainkan peranan yang sangat besar untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar di negara ini kepada pendidikan moden dan bertaraf dunia.

Pada majlis yang sama, bekas Perdana Menteri itu

turut menyampaikan hadiah kepada sembilan pemenang dalam tiga kategori Pertandingan Permainan Minda Malaysia 2004 (Mentalite) iaitu kreativiti, hafalan dan pembacaan.

Tiga kategori itu adalah siri pertandingan minda yang diadakan sejak 19 September dan berakhir hari ini.

Pertandingan dianjurkan oleh The Switch Sdn. Bhd dengan kerjasama Lembaga Amanah Minda. Antara lain ia bertujuan meningkatkan kesedaran dan mencungkil bakat baru dalam bidang kemampuan minda.

Turut hadir ialah isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pengerusi Berjaya Group, Tan Sri Vincent Tan dan ketua Pegawai Eksekutif The Switch Sdn. Bhd., Lim Teck Hoe.